

# UPM

## anugerah Dr. Mahathir Ijazah Kehormat Doktor Sains

KUALALUMPUR 14 Julai — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Sabtu ini.

Canselor UPM Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan untuk mengurniakan ijazah tersebut pada sesi pertama majlis konvokesyen ke-28 itu yang akan diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM di Serdang.

Menurut Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Siti Rozana Supian, penganugerahan itu adalah sebagai penghormatan dan pengiktirafan terhadap jasa serta pengorbanan Dr. Mahathir dalam menerajui negara selama 22 tahun.

"Penganugerahan ini juga adalah berasaskan sumbangan cemerlang beliau kepada kemajuan pendidikan khususnya dalam memartabatkan bidang sains sepanjang perkhidmatannya dalam kerajaan dan sebagai Perdana Menteri, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, Dr. Mahathir merupakan pemimpin yang mencetuskan jejak-jejak kegemilangan UPM sebagai sebuah Universiti tersohor di rantau ini.

Pada 3 April 1997 Dr. Mahathir yang pada masa itu merupakan Perdana Menteri telah mengisytiharkan pertukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia.

"Sejak itu UPM telah muncul sebagai Universiti multidisiplin terbesar dan mencipta nama dalam pelbagai bidang khususnya pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan khidmat professional," katanya.

Pada majlis konvokesyen tersebut, Sultan Sharafuddin juga akan menyempurnakan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma kepada graduan UPM pada sesi pertama dan sesi ketiga.

Sebanyak 4,091 graduan dalam pelbagai bidang pengajian akan menerima Ijazah dan diploma masing-masing.